

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH HARI RAYA
DI DEWAN BANDARAYA, JALAN RAJA
KUALA LUMPUR PADA HARI AHAD
17HB. MEI, 1987
PUKUL 10.00 PAGI

Yang Berbahagia Encik Mohamed Ismail Shariff,
Presiden PERMIM:

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk Majlis Penyampaian Hadiah Hari Raya anjuran Persatuan Muslim Indo-Malaysia (PERMIM). Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PERMIM yang telah sudi menjemput saya menyampaikan hadiah-hadiah ini kepada keluarga-keluarga yang berkenaan.

2. Saya sungguh bangga dengan usaha PERMIM membantu keluarga-keluarga yang memerlukannya menjelang Hari Raya Aidil Fitri ini. Saya mengucapkan syabas kepada PERMIM atas daya-usaha mereka menyediakan hadiah-hadiah ini untuk diberi kepada keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik.

...Inilah/-

3. Inilah kali kedua PERMIM mengadakan upacara seperti ini. Pada tahun lalu lebih kurang seratus keluarga di Kuala Lumpur dan persekitarannya telah menerima bantuan dari PERMIM. Bilangan keluarga yang akan menerima bantuan pada tahun ini telah meningkat kepada dua-ratus keluarga. Bantuan-bantuan yang diberi ini merupakan kain atau pakaian baru bagi setiap ahli keluarga dan barang-barang makanan seperti beras, susu, gula dan sebagainya. Mereka juga diberi wang tunai yang bernilai \$150 hingga \$200 ringgit bagi setiap keluarga untuk perbelanjaan lain menjelang Hari Raya.

...Para/-

Para hadirin sekalian,

4. Apa jua kegiatan yang membawa kebahagiaan kepada sesuatu keluarga yang kurang bernasib baik adalah diberkati Allah Subhanahu Wataala. Islam menggalakkan umatnya yang berkemampuan supaya sentiasa bersikap simpati terhadap mereka yang kurang bernasib baik. Usaha-usaha membantu orang-orang yang memerlukannya terutama semasa dalam Bulan Ramadhan membawa manfaat dan berkat yang berlipat-ganda kepada para penderma.

5. Sebagai umat Islam kita sepatutnya berbangga atas usaha PERMIM berbakti kepada masyarakat. Selain menguatkan iman ianya

...juga/-

juga mengukuhkan tali persaudaraan di kalangan penerima dan penderma. Usaha murni PERMIM ini patutlah dipuji dan dicontohi oleh pertubuhan lain.

6. Saya berrharap PERMIM akan terus bergiat aktif dalam masyarakat dan memperluaskan kegiatannya ke kawasan-kawasan lain di seluruh negara melalui cawangan-cawangan dan persatuan-persatuan yang bergabung dengannya. Saya percaya ramai lagi ahli-ahli PERMIM sanggup berbakti kepada masyarakat di mana mereka berada.

7. Hadiah bungkusan kepada keluarga-keluarga yang akan menerimanya pada pagi ini tentulah akan membolehkan mereka

...bersama-sama/-

bersama-sama menyambut Hari Raya dengan penuh kesyukuran. Saya percaya hadiah ini akan mengurangkan beban ibubapa menyediakan persiapan Hari Raya kepada keluarga mereka.

8. Akhir kata saya berdoa agar kita semua dapat menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan penuh kemesraan dan kegembiraan.

Selamat Menyambut Hari Raya.

Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

